

Yang Dipertuan Agong Lancar Perarakan Kapal Berhias Sempena Perayaan Sarawak Merdeka
Bernama
15 Sept, 2013

KUCHING, 15 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ahad malam berkenan melancarkan perarakan kapal berhias Malam Gemilang 50 Tahun Sarawak Merdeka Dalam Malaysia di Tebingan Kuching.

Baginda memulakan acara dengan memutar stereng kapal yang disambut dengan bunyi kapal dan hon serta pertunjukan bunga api.

Baginda kemudian disajikan dengan pertunjukan pertama persembahan skrin air yang menampilkan logo sambutan dan juga montaj yang memaparkan perkembangan yang berlaku di Sarawak, perkembangan penduduk pelbagai kaum di negeri ini dan juga pembangunan yang dicapai negeri ini sejak dahulu hingga sekarang.

Turut berangkat Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah Hamidun.

Turu hadir ialah Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri masing-masing.

Acara itu juga diserikan dengan nyanyian lagu tema sambutan 'Sarawak Harmoni' diiringi alunan muzik dan pertunjukan lampu berwarna-warni.

Acara dimulakan dengan perarakan 50 buah kapal berhias mewakili pelbagai jabatan, agensi, badan berkanun kerajaan negeri Sarawak dan syarikat swasta.

Turut diadakan ialah perarakan perahu tambang, kayak dan jet ski.

Acara diakhiri dengan persembahan dan bunga api.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977975>